



Good food, Good life

Siaran Berita

Kuala Selangor, 29 November 2021

Pasca PKP, Nestlé Malaysia Giatkan Aktiviti Penanaman Semula Hutan Menerusi Projek RELeaf

Meraikan Ulang Tahun Pertama Inisiatif Pemuliharaan Bakau REleaf

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani perubahan iklim dan menyumbang kepada matlamat global Syarikat untuk mencapai emisi sifar bersih, Nestlé Malaysia telah melancarkan Projek RELeaf pada September 2020 dengan sasaran untuk menanam tiga juta batang pokok di seluruh Malaysia menjelang 2023. Projek RELeaf menyusuli Projek Kinabatangan Rileaf, program perintis yang telah menanam sejumlah sejuta batang pokok di Sabah, yang berjaya disempurnakan pada 2020.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, mengulas, "Tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) yang panjang telah mengehadkan capaian kami ke kawasan-kawasan penanaman dan melengahkan pelaksanaan Projek RELeaf. Walau bagaimanapun, kami telah menggunakan masa yang ada dengan sebaiknya, dan setakat ini tapak-tapak semeaian rakan kerjasama kami sudah mempunyai hampir 1 juta anak benih dan anak pokok pelbagai spesies asli, yang sedang tumbuh dengan subur dan sihat. Menjelang akhir tahun, kira-kira 300,000 daripadanya akan dipindahkan ke kawasan penanaman akhir. Selepas PKP tamat, kami telah menggandakan usaha dan pasukan-pasukan kami sedang menggiatkan lagi aktiviti penanaman."

"Sepanjang tempoh ini, kami juga telah menjalin kerjasama dalam dan di luar rangkaian bekalan kami dan kini kami sedang meneroka kerjasama selanjutnya dengan agensi-agensi Kerajaan dan Negeri untuk menggiatkan dan meluaskan program ini lagi. Kami mempunyai perancangan yang kukuh dan sumber yang tersedia untuk menanam 1.3 juta batang pokok pada 2022, diikuti oleh 1.4 juta batang pokok pada 2023."

"Kami benar-benar komited untuk mencapai sasaran emisi karbon sifar bersih menjelang 2050, dengan matlamat pengurangan emisi sebanyak 50% menjelang 2030. Inisiatif penanaman semula hutan ini akan disokong oleh pelaksanaan amalan pertanian regeneratif di ladang-ladang Cili, Kopi dan juga Sawah Padi yang kami terlibat. Kami juga berbangga untuk menjadi salah satu penandatanganan yang paling awal berikrar untuk menyokong dan mengguna pakai Tarif Tenaga Hijau yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada awal minggu ini," rumus En Aranols.

Sempena ulang tahun pertama Projek RELeaf, Nestlé Malaysia bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan Impact Revolution Enterprise untuk menjayakan aktiviti penanaman pokok bakau di Taman Alam Kuala Selangor. Dengan matlamat untuk memulihkan ekosistem bakau berharga di kawasan tersebut, lebih daripada 100 sukarelawan Nestlé telah menanam lebih daripada 500 batang anak pokok bakau minyak (*Rhizophora Apiculata*) di kawasan hutan bakau tersebut.

En Yong Lee Keng, Ketua Perkhidmatan Pertanian, Nestlé Malaysia berkata, “Kami sukacita untuk melaksanakan inisiatif penanaman semula pokok bakau di Taman Alam Kuala Selangor, yang merupakan tempat perlindungan bagi pelbagai tumbuhan asli dan hidupan liar. Hutan bakau adalah sebahagian penting daripada ekosistem dan khazanah alam Malaysia dan memainkan peranan kritikal dalam perjuangan menentang perubahan iklim. Hutan ini menjadi kawasan tadahan karbon untuk mengurangkan emisi di samping menstabilkan kawasan pesisir, mengurangkan hakisan tanah dan menjadi punca sara hidup masyarakat setempat.”

Aktiviti penanaman semula pokok bakau ialah sebuah program di bawah Nestlé Cares, sebuah platform global Nestlé, yang bertujuan untuk menyemai budaya sukarelawan dalam kalangan kakitangan. Di samping itu, sukarelawan Nestlé Cares juga telah melibatkan diri dalam inisiatif lain seperti aktiviti penanaman bakau berhampiran Kampung Sijangkang pada awal tahun ini, dan program Pembersihan Pantai dan Dasar Laut tahunan Syarikat di beberapa lokasi di Malaysia.

-tamat-

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Farah Iman atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+60 12 334 1841 (Farah Iman) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my